

28 AUG 2000

Waja-Jualan/I

PROTON WAJA MULA DIJUAL DI SELURUH NEGARA PADA HARI MERDEKA

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Proton Waja, kereta rekaan Malaysia pertama, akan dijual secara rasmi di seluruh negara pada hari Merdeka, Khamis ini.

Pengarah Urusan EON Datuk Adzmi Abdul Wahab berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual melancarkan kempen jualan Proton Waja di kompleks ibu pejabat EON di Glenmarie, Shah Alam selepas perbarisan hari kebangsaan di kawasan berhampiran, selesai.

Katanya 52 cawangan jualan EON dan 123 peniaga francais akan menerima tempahan pada pameran itu.

"Ia akan dibuka untuk para pelanggan pada 31 Ogos semasa kita sama-sama meraikan Merdeka dan pelancaran jualan Proton Waja," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Bagaimanapun, harga kereta berkenaan belum diumumkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Proton Waja yang berorientasikan keluarga itu pada 8 Mei lepas.

Di peringkat permulaan, Waja model 1.6 disediakan dalam empat warna iaitu Artic Blue, Silver 1, Indium 2 dan Petrol Blue yang boleh diperolehi dalam bentuk manual dan automatik.

Semasa jualan karnival Proton Waja, Adzmi berkata mereka yang membeli kereta Proton antara 31 Ogos dan 31 Disember, layak menyertai pertandingan menulis slogan yang menawarkan tiga Proton Waja sebagai hadiah utama.

Demonstrasi pemanduan EON Waja StuntVaganza oleh Pasukan Precision EON yang diketuai oleh pemandu dunia terkemuka, Russ Swift dari United Kingdom, juga akan adakan selama sejam di tempat-tempat terpilih di Semenanjung.

Proton Waja yang mengambil nama bagi menggambarkan "teguh seperti besi waja" menurut Adzmi merupakan satu pencapaian unik dalam teknologi rekabentuk kerana badannya yang lebih kukuh memenuhi Piawaian Ujian Pelanggaran Eropah 20003 yang berkelas dunia.

"Proton Waja mewarisi keajaiban Lotus yang dibina di dalamnya. Manfaat tambahan dalam memiliki badan yang lebih kukuh ialah ia akan menjadikan pemanduan lebih selesa. Bunyi dan getaran adalah yang terbaik dalam kelasnya menjadikannya seperti berada dalam rumah. Ergonomik, keselamatan, keselesaan dan rekabentuk digabungkan secara harmoni," katanya.

Adzmi berkata enjin Proton Waja yang ditawarkan dalam transmisi manual dan automatik direkabentuk sebagai satu daripada enjin petrol paling bersih di atas jalan raya Malaysia dan akan memenuhi standard 111 Eropah yang dijadualkan tahun depan.

-- BERNAMA

HS ES LAT